

26/10/2002

Bantuan Sekolah Agama Rakyat dihenti sementara (HL)

Misiah Taib; Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kerajaan menghentikan sementara bantuan perkapita untuk semua Sekolah Agama Rakyat berikutan tindakan sesetengah sekolah terbabit menyalahgunakannya bagi tujuan politik.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata keputusan itu dibuat bagi membolehkan kerajaan mengkaji status sekolah berkenaan dan memastikan ia benar-benar mengajar agama.

"Waktu ini kita telah hentikan bantuan untuk semua sekolah agama sehinggalah kita dapat pastikan yang mana sekolah agama, yang mana sekolah politik," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini, petang ini.

Presiden Umno itu tidak menyatakan jumlah bantuan serta sekolah terbabit, tetapi berkata kerajaan mendapati ada pelajar Sekolah Agama Rakyat diajar membenci pemimpin.

"Ada di kalangan kanak-kanak yang pergi ke sekolah ini apabila balik ke rumah... ini anak orang Ummolah, mereka minta bapa mereka turunkan gambar Firaun.

"Jadi nampak dia belajar ini semua di sekolah. Ini tidak termasuk dalam pelajaran agama. Saya tak tahulah... saya pun belajar agama tapi tak ada disebut bahawa ada orang yang menjadi Firaun dan gambar dia mesti diturunkan.

"Dengan kerana itu kerajaan tidak boleh memberi bantuan lagi kepada sekolah-sekolah yang dikatakan sekolah agama ini, tetapi sebenarnya bukan sekolah agama," katanya.

Dr Mahathir berkata, penyalahgunaan Sekolah Agama Rakyat untuk tujuan politik adalah antara perkara yang dibincangkan pada mesyuarat MT Umno hari ini.

Perdana Menteri berkata, kerajaan berpendapat Sekolah Agama Rakyat terbabit bukan sekolah agama sebenarnya, tetapi sekolah politik.

"Justeru buat masa sekarang, kerajaan memutuskan untuk menghentikan bantuan kepada semua Sekolah Agama Rakyat supaya jumlah sebenar sekolah agama yang disalahgunakan itu dapat dikenal pasti.

"Kita akan kaji dan kenal pasti yang mana betul-betul sekolah agama dan yang mana sekolah politik.

"Bantuan kepada sekolah agama yang tidak terbabit, hanya akan diberikan semula selepas kerajaan berpuas hati mereka betul-betul mengajar agama," katanya.

Mengenai sukatan pelajaran di Sekolah Agama Rakyat, beliau berkata ada sukatan pelajaran disediakan tetapi sekolah agama terbabit didapati tidak mengikutinya.

"Mereka ajar lain daripada sukatan pelajaran yang ditetapkan. Mereka ajar politik kepada kanak-kanak," katanya.

Ditanya apakah Pas terbabit dalam perkara itu, beliau berkata: "Tak tahu lagi, kita masih kenal pasti."

Dr Mahathir berkata, mesyuarat turut membincangkan dasar penggunaan bahasa Inggeris untuk subjek Sains dan Matematik di sekolah menengah dan rendah.

"Kita telah memberi pendapat dan persetujuan supaya pendirian Umno ini disampaikan kepada Mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) minggu depan," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau diberikan mandat untuk menyampaikan pendirian Umno pada mesyuarat BN yang akan diadakan selepas tempoh

seminggu yang diberikan kepada parti yang mewakili kaum Cina untuk mengenal pasti serta merumuskan kaedah pelaksanaan tersendiri bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC).

Pada mesyuaratnya Selasa lalu, Dewan Tertinggi BN sepakat untuk melaksanakan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di semua sekolah rendah dan menengah mulai tahun depan, tetapi memberi tempoh seminggu kepada lima parti Cina untuk merumuskan kaedah pelaksanaan tersendiri bagi SJKC.

Dr Mahathir bagaimanapun enggan mengulas atau memberi penerangan mengenai pendirian Umno itu kerana perkara berkenaan perlu disampaikan kepada Dewan Tertinggi BN terlebih dulu.